

# Perbincangan guna format baru

UM 21 JUN 2001

**K**UALA LUMPUR 20 Jun — Sistem perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO yang bermula esok, akan menggunakan format baru.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, format baru itu menggunakan kaedah "2+6" iaitu seorang pencadang, seorang penyokong dan enam pembahas.

Menurutnya, format tersebut akan digunakan untuk perbincangan usul pendidikan dan ekonomi

serta agama manakala untuk ucapan dasar Presiden, semua wakil negeri akan diberi peluang.

"Biasanya setiap usul dibahas oleh semua wakil negeri, kali ini kita beri masa yang panjang dengan hanya usul ucapan Presiden sahaja semua wakil negeri akan mengambil bahagian," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO, malam ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, mengikut format ini, wakil negeri yang mengambil bahagian dalam perbincangan usul pendidikan dan ekonomi, tidak lagi boleh menyertai perbincangan usul agama.

"Kita harap kita boleh selesai semua mengikut jadual dan MT bersetuju dengan bentuk usul yang bakal dibentangkan," jelasnya.

Mengenai perbincangan pada Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita hari ini, Dr. Mahathir menyatakan rasa puas hati dengan perjalanan

mesyuarat. "Tidak ada banyak masalah, semua sempurna," katanya.

Namun, kata beliau, hanya Pergerakan Pemuda mahu wakil mereka ke Mesyuarat Agung UMNO esok dipilih pada waktu ini dan ia telah dipersetujui oleh pada perhimpunan hari ini.

Beliau menambah, berbeza dengan Pergerakan Wanita, mereka telah menetapkan keputusan lebih awal memilih 10 wakil iaitu lima dipilih oleh jawatankuasa pergerakan itu manakala bakinya dipilih oleh para perwakilan sendiri.